

# UNIMAS pelawwa bela rusa

» *Syarikat ternakan boleh mulakan projek dengan kos RM2j*

**Oleh Matzidi Dris**

mzidi@bharian.com.my

► **Kota Samarahan**

**U**niversiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sedang mencari syarikat berpengalaman dalam ternakan rusa secara ladang untuk mengusahakan ternakan itu di kawasan hutan miliknya di sini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman, berkata mo-

dal diperlukan bagi projek itu berjumlah RM5 juta, namun sebagai permulaan, syarikat terbabit boleh memulakannya dengan kos RM2 juta.

## Dapat sambutan

“Daging rusa mendapat sambutan sangat baik sejak kebelakangan ini, namun bekalan yang ada tidak cukup. UNIMAS boleh menjadikan projek ladang itu sebagai penjana pendapatan.

“Saya pernah membuat lawatan di dua universiti di luar negara masing-masing di New Zealand dan China yang mewujudkan ladang ternakan lembu dan kambing di dalam kawasan universiti dan berjaya memberi pulangan besar kepada pendapatan universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran Program

Vaksinasi Papilloma Virus (HPV) Peringkat UNIMAS, di sini, semalam.

Mohd Fadzil berkata, UNIMAS boleh mengikut jejak kedua-dua universiti terbabit kerana ia mempunyai kawasan luas iaitu 849.8 hektar dan setakat ini hanya 404.7 hektar baru digunakan dengan baki 445.2 hektar.

## Kawasan sesuai

“Saya dapati sebahagian daripada kawasan berkenaan sesuai untuk dijadikan ladang ternakan rusa ditambah dengan kemudahan serta keistimewaan yang ada bagi menjana pendapatan.

“Cadangan ini seiring dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi yang mahu semua universiti menjana pendapatan sendiri pada masa akan datang,” katanya.

“*Daging rusa mendapat sambutan sangat baik sejak kebelakangan ini, namun bekalan yang ada tidak cukup*”

**Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS